

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH SOALAN : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh manakah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sudah bersedia untuk menempuhi gelombang Revolusi Industri 4.0 dan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu mereka.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kaji selidik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Suku Ketiga 2017 yang dilaksanakan oleh SME Corp. berkaitan status kesedaran dan kesediaan PKS ke arah IR 4.0, didapati sebanyak 31.8% daripada 1,469 responden sedar tentang IR 4.0. Manakala 69% daripada jumlah responden tersebut bersedia untuk menghadapi IR 4.0, terutamanya melibatkan perusahaan mikro dan PKS dalam sektor pembuatan. Sebanyak 66.4% daripada jumlah responden tersebut menjangkakan tahap produktiviti dan kecekapan akan meningkat dengan penerapan IR 4.0 dalam perniagaan mereka. Di samping itu, seramai 62.1% daripada responden tersebut juga menyatakan bahawa kekurangan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pekerja adalah cabaran terbesar bagi memastikan kejayaan pelaksanaan IR 4.0.

2. Salah satu komponen utama dalam gelombang IR 4.0 adalah berkaitan pendigitalan. Kajian Pendigitalan PKS Malaysia 2018 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd. pada Disember 2018 mendedahkan bahawa teknologi pendigitalan dapat menghasilkan peningkatan yang ketara dalam produktiviti di kalangan PKS. Sebagai contoh, PKS yang menggunakan media sosial dan e-dagang telah menunjukkan peningkatan produktiviti antara 26% hingga 27%. PKS yang menggunakan penyelesaian pengurusan data seperti *Enterprise Resource Planning* (ERP), pengurusan rantai bekalan dan pengurusan perhubungan pelanggan melaporkan peningkatan sebanyak 60% dalam produktiviti.

3. Justeru, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) kini sedang giat membantu PKS untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta menggandakan pertumbuhan melalui pendigitalan termasuklah penggunaan e-dagang. Antara inisiatif Kerajaan termasuklah pelaksanaan aktiviti utama di bawah *National eCommerce Strategic Roadmap* (NESR) oleh SME Corp. dengan kerjasama agensi, persatuan dan rakan strategik e-dagang bagi meningkatkan kemahiran PKS melalui latihan dalam bidang e-dagang.

4. PKS yang terlibat dengan e-dagang turut dibantu dalam mempromosikan perusahaan mereka melalui projek *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) dengan kerjasama syarikat Alibaba, MDEC, MATRADE dan MITI. Sesi latihan digital yang komprehensif berkaitan platform e-dagang dan teknik perniagaan atas talian juga disediakan melalui kerjasama agensi dan penyedia platform e-dagang.

5. Selain dari itu, MaGIC telah merangka dan menjalankan program-program yang berteraskan hala tuju strategik MaGIC bagi tahun 2018-2020 iaitu “Membentuk Ekosistem Untuk Industri Masa Hadapan”. Justeru, MaGIC menawarkan program-program penyediaan minda (*mindset*) seperti *Design Thinking* dan *Service Design* dan juga program-program yang berteraskan teknologi berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0 seperti:

- i. *Intelligence Video Analytics with NVIDIA;*
- ii. *Artificial Intelligence Applications;*
- iii. *Fundamental of Internet of Things;* dan
- iv. *Blocklime’s Blockchain Hackathon*

6. Pada tahun ini, MaGIC mula menyediakan kemudahan dalam talian untuk meningkatkan capaian yang lebih meluas kepada pelanggan terutama kepada mereka yang mempunyai akses lokasi dan kewangan yang terhad kepada program anjuran MaGIC. Penambahbaikan bengkel fizikal turut dilaksanakan melalui *ecosystem-builders* yang dilatih untuk menyampaikan modul *Design Thinking* dan *Business Models Canvas* kepada komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.